

# JURNAL FUADUNA

Jurnal Kajian Keagamaan dan  
Kemasyarakatan

Vol. 1 No. 2 Juli - Desember 2017



## POLA MATEMATIKA PADA SURAT AL FALAQ DAN ANNAAS

Aniswita, Gema Hista Medika

## ULAMA DAN KARYA TULIS:DISKURSUS KEISLAMAN DI MINANGKABAU AWAL ABAD 20

Apria Putra

## KISAH BATU DALAM TEKS HADIS SEBAGAI MATERI PENDIDIKAN AKHLAK ANAK

Salmah, Desri Nengsih

## NILAI-NILAI ISLAM DALAM BUDAYA DAN KEARIFAN LOKAL

(Konteks Budaya Minangkabau)

Norsaleha Mohd. Salleh, Noor Hafizah Mohd. Haridi, Phayilah Zakaria,  
Juzlinda Mohd. Ghazali, Gazali Bin Runun Abdullah dan Mohd. Shairawi Mohd. Noor

طارة الفروق اللغوية في اللغة العربية واستصحابها والأيام القرآنية

Oktarina Yusra

## PROFESIONALISME DAKWAH DALAM PEMBERDAYAAN MASYARAKAT

Tomi Hendra

## KATA PINJAMAN BAHASA ARAB DALAM BAHASA MINANGKABAU

Zikrawahyuni Maiza



<http://ejournal.iainbukittinggi.ac.id/index.php/fuaduna>  
Fakultas Ushuluddin Adab dan Dakwah  
IAIN Bukittinggi



## **LIBERALISME DALAM PEMIKIRAN BELIA DI MEDIA SOSIAL (*LIBERALISM THOUGHT AMONG YOUTH ON SOCIAL MEDIA*)**

**Norsaleha Mohd. Salleh, Noor Hafizah Mohd. Haridi, Phayilah Zakaria, Juzlinda Mohd. Ghazali, Gazali Bin Runun Abdullah dan Mohd. Shairawi Mohd. Noor**

*Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia  
Penulis penghubung Norsaleha Mohd.Salleh  
[norsaleha@kuis.edu.my](mailto:norsaleha@kuis.edu.my)*

Diterima: 10 Oktober 2017	Direrisi :20 November 2017	Diterbitkan:15 Desember 2017
---------------------------	----------------------------	------------------------------

### **ABSTRACT**

*This study aims to identify liberalism thought among youth on social media. The liberalism influence was identified through the sharing of views and thoughts of the youth at risk on their social media account in the form of comments or writings uploaded. The study was conducted through a month of focussed observation on eleven youth at risk who were inclined towards promoting liberalism thought on the social media. The youth were selected based on the active share of their views on issues pertaining to Islam and the active status update via personal social media such as Twitter, Facebook, and page. The findings showed that three out of eleven youth uploaded an average of five to twelve statuses a day. Meanwhile, seven out of eleven youth uploaded statuses based on season and issues that occur at a time. The study also found that they have a network that helps them in terms of giving moral support or offering views that support one another and being vocal towards current issues especially the ones involving the Islamic Shariah, Shariah court and religious authority in Malaysia. The study contributes current reality for the nation's policymaker to prepare guidelines for the use of social media among youth.*

*Keyword:* Liberalism, social media, youth, thought, promoting

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemikiran liberalisme dalam kalangan belia di media sosial. Pengaruh liberalisme ini dikenal pasti melalui perkongsian pandangan dan pemikiran belia berisiko tersebut di akaun laman sosial mereka sama ada dalam bentuk komenar dan penulisan yang dimuat naik. Kajian dilakukan menggunakan kaedah pemerhatian secara berfokus selama sebulan terhadap sebelas orang belia berisiko yang cenderung mempromosi pemikiran liberalisme dalam media sosial. Belia ini dipilih berdasarkan keaktifan mereka memberikan pandangan terhadap isu-isu berkaitan Islam dan juga keaktifan mereka mengemas kini status di media sosial peribadi seperti *twitter, Facebook dan page*. Dapatkan kajian menunjukkan tiga daripada sebelas belia memuat naik status purata 5 hingga 12 kali sehari. Manakala tujuh daripada sebelas belia memuat naik status mengikut musim dan isu yang berlaku pada satu-satu masa. Kajian juga mendapati mereka mempunyai rangkaian yang saling membantu sama ada dari sudut sokongan moral atau pendapat yang saling menyokong dan lantang bersuara terhadap isu-isu semasa terutama yang melibatkan syariat Islam, mahkamah Syariah dan autoriti agama di Malaysia. Kajian ini menyumbang suatu realiti masa kini kepada pembuat dasar negara untuk menyediakan garis panduan penggunaan media sosial dalam kalangan belia.

## Kata kunci : Liberalisme, media sosial, belia, pemikiran, promosi

### A. PENDAHULUAN

Liberal bermakna bebas, bertoleransi, berfikiran luas, terbuka, pemurah, tidak sempit atau tepat dan tidak harfiah. Perkataan liberal diambil dari bahasa Latin *liber* bermaksud bebas, kemudian menjadi sebuah sikap kelas masyarakat terpelajar di Barat atau suatu keadaan seseorang itu bebas dari penguasaan orang lain. Makna membuka pintu kebebasan berfikir (*The old Liberalism*). Melalui kebebasan berfikir ini perkataan liberal berkembang sehingga mempunyai berbagai nilai. Liberalisme juga merujuk kepada pemikiran yang liberal, fahaman atau pendirian yang mahukan demokrasi serta kebebasan dalam kegiatan ekonomi. Asas pemikiran ini adalah berteraskan kepada keprihatinan dalam melindungi dan menggalakkan kebebasan serta autonomi individu dalam segala aspek. Liberalisme merujuk kepada keyakinan penganut pelbagai agama bahawa kemajuan ilmu pengetahuan dan kebudayaan semasa memerlukan semakan semula prinsip, pemikiran dan kesimpulan agama yang difahami dan diaplakisikan kepada perspektif baharu berasaskan falsafah dan pencapaian semasa.

Ini menunjukkan penafsiran semula perlu seiring dengan tamadun moden dan global. Ia juga adalah pemikiran yang menerima keunggulan fahaman sekular-liberal Barat serta percubaan untuk mentafsir semula idea kebebasan dalam Islam agar seiring dengan tuntutan pemikiran tersebut. Maksud yang hampir serupa menjelaskan liberalisme adalah pemikiran yang cuba membebaskan Islam dari sebarang ikatan syara' dengan cara mentafsir, mengolah atau menafikan apa

sahaja dalil syara' agar bersetujuan dengan pemikiran yang berteraskan falsafah Barat. Lebih jauh lagi liberalisme adalah proses menukar wala' manusia daripada berwala'kan Allah SWT kepada berwala'kan manusia. Ia adalah proses merungkaikan ikatan manusia sebagai hamba kepada Allah SWT kepada menjadi manusia sebagai paksi menentukan keputusan.

Konsep liberalisme merupakan format pemikiran yang mencakupi segenap aspek kehidupan manusia termasuk pendidikan, agama, sosial dan sebagainya. Ia berpegang kepada konsep rasional, keterbukaan dan kebebasan intelektual. Mereka mengutamakan hak-hak asasi manusia sebagai ukuran dan orientasi seterusnya akan menolak segala penafsiran daripada agama sekiranya ia bertentangan dengan pemikiran mereka. Golongan ini juga berpegang kepada penemuan saintifik sehingga mencetuskan konflik besar dengan cubaan untuk mentransformasikan agama yang berorientasikan kebebasan hak individu manusia. Fahaman ini terus bergiat sehingga mempengaruhi dunia Islam kerana merasakan manusia kini juga perlu bebas daripada ikatan hukum-hakam yang difikirkan sebagai ketinggalan zaman. Malah golongan ini beranggapan keadaan ini sudah tidak relevan lagi dalam konteks kehidupan dunia kini memandangkan ia terkongkong oleh tafsiran golongan ulama tradisional. Ia jelas menggambarkan bahawa agama hanya sebagai budaya yang boleh diketepikan sekiranya ia tidak menepati apa yang dikehendaki.

Liberalisme pada dasarnya memiliki agenda untuk membebaskan umat manusia

dari berbagai dominasi yang dianggap menjerat kebebasan ekspresi dan kehendak manusia. Sementara agama dengan ajarannya seperti halal-haram, boleh-tidak boleh, dianggap sebagai gangguan utama untuk kebebasan manusia. Kerana dalam liberalisme, produk hukum sepenuhnya diserahkan pada kehendak rakyat. Barat mendefinisikan moderat sebagai sosok yang bersedia menerima ideologi, budaya dan peradaban Barat, serta sudi melepaskan diri dari segala ajaran dalam Islam yang dianggap bertentangan dengan prinsip-prinsip Barat. Konsep ini dijelas oleh sebuah badan penyelidikan antarabangsa iaitu *Research And Development Corporation* atau dikenali sebagai *RAND Corporation* tentang pemikiran liberal yang moderat dan membezakannya dari Islamis yang fundamental;

Definisi yang paling sempit tetapi paling bermanfaat tentang siapa yang Islamis adalah setiap orang yang menolak pemisahan antara kekuasaan agama dengan kekuasaan negara, berusaha untuk mendirikan negara Islam, atau paling tidak mengajak untuk mengakui syariat sebagai landasan hukum.

Liberalisme merujuk kepada individu sebagai pencipta dan penentu tindakan. Dengan konsep seperti ini, maka kejayaan dan kegagalan seseorang ditentukan oleh dirinya sendiri, tindakan dan pilihan terhadap tindakan tersebut. Hakikatnya, manusia memiliki kebebasan dalam hidupnya di mana manusia adalah peribadi yang bebas. Oleh yang demikian, liberalisme pada hari ini lebih cenderung kepada serangan pemikiran terhadap akidah umat Islam untuk memesongkan daripada landasan kebenaran.

## B. CIRI-CIRI PEMIKIRAN LIBERAL

Pemikiran liberal muncul kesan penindasan dan kezaliman pihak gereja terhadap masyarakat Barat pada waktu zaman gelap. Sebab itulah, pemikiran liberal ini bertunjangkan kepada kebebasan berfikir dan hak asasi manusia yang bebas dari ikatan dan hukum agama. Kesan daripada era kebangkitan Barat dan Revolusi Perancis (1789–1799), muncul berbagai tuntutan dan laungan kebebasan. Agama dilihat sebagai penghalang utama kemajuan dan permodenan. Sejarah hitam yang pernah dialami oleh masyarakat Barat menjadikan mereka begitu trauma terhadap agama sehingga keluar kenyataan agama adalah candu rakyat.

Pemikiran liberal yang berasal daripada Barat ini menyerang pemikiran masyarakat Islam melalui penjajahan, pembudayaan, pendidikan, politik, penulisan, pergaulan dan teknologi maklumat dunia tanpa sempadan. Semua mekanisme ini menjadikan pemikiran umat Islam terdedah dengan cabaran dan penyelewengan. Keadaan menjadi lebih mencabar apabila pegangan akidah umat Islam semakin longgar dan tahap kefahaman kepada al-Quran dan al-Sunnah semakin menurun. Umat Islam terdedah dengan pemikiran liberal yang merosakkan keyakinan dan keimanan mereka kepada Allah SWT dan agama Islam yang mereka anuti.

Islam adalah agama yang mengiktiraf fungsi akal serta kebebasan berfikir dan bertindak. Walau bagaimanapun, kebebasan berfikir dan bertindak dalam Islam ada sempadan dan hadnya. Maqasid berfikir dalam Islam bertujuan untuk mentauhidkan Allah SWT dan menjadikan manusia itu seorang hamba Allah yang beribadat dan

memakmurkan dunia dengan menjadi khalifah Allah SWT yang baik. Islam membebaskan manusia daripada menyembah sesama manusia dan menolak pendapat yang mengatakan manusia sebagai paksi membuat keputusan.

Namun begitu, pengaruh pemikiran liberal menyebabkan muncul usaha secara terancang dalam kalangan kelompok tertentu dan individu tertentu untuk membuat perubahan metodologi berijtihad dalam aspek syariah. Alasan yang mereka kemukakan adalah kerana ijтиhad dan pandangan ulama hari ini sudah tidak relevan dengan perkembangan semasa. Mereka menuntut peraturan menurut syariat Islam dapat ditafsir semula secara harmoni dengan alasan tafsiran yang sedia ada tidak mampu meleraikan persoalan hidup masa kini. Mereka menuntut bentuk hukum seperti sistem pembahagian harta pusaka, kewajipan menutup aurat dan sebagainya ditafsirkan semula. Golongan ini mendakwa ijтиhad yang dilakukan berdasarkan rasional akal dapat memelihara Islam untuk kekal bertahan dan berkembang sepanjang zaman.

Para sarjana Islam telah mengenal pasti beberapa ciri pemikiran liberal yang mempengaruhi beberapa kumpulan dan individu di Malaysia. Kebanyakan kumpulan dan individu berkaitan aktif mempromosi pandangan liberal mereka dalam media sosial. Liberalisme juga mempunyai kaitan dengan pluralisme agama yang merujuk kepada semua agama yang wujud adalah benar menuju Tuhan yang satu dan sesiapa yang melakukan kebaikan adalah selamat dan layak masuk syurga walaupun berbeza agama. Pluralisme menolak autoriti agama dan semua mempunyai kebebasan berijtihad mengenai apa juu bentuk permasalahan agama. Malah

pendokong liberalisme ini menolak pelaksanaan syariah Islam dengan dakwaan pelaksanaan hukum Islam akan memberi kesan negatif. Mereka menggunakan piagam hak-hak asasi manusia sebagai hujah menolak pelaksanaan hukum syariah dan tidak sesuai dengan perkembangan zaman. Penolakan ini jelas melalui kenyataan dan pandangan yang mereka lontarkan dalam media sosial.

Liberalisme juga berkaitan dengan idea dan gerakan modenisme. Gerakan modenisme ini merupakan idea untuk membebaskan sesebuah masyarakat daripada kongkongan adat resam dan tradisi yang sempit yang dianggap sebagai penghalang kepada budaya kemajuan dan kebebasan. Begitu juga liberalisme dikaitkan dengan gerakan emansipasi atau pembebasan wanita dan feminism yang menuntut persamaan antara lelaki dan perempuan (*gender equality*).

Liberalisme berkait rapat dengan agenda politik, toleransi agama, pembebasan wanita dan kebebasan berekspresi. Akhirnya liberalisme juga dikaitkan dengan usaha mentafsirkan semula hukum dan peraturan agama agar selari dengan hak asasi manusia. Mereka juga menuntut tafsiran semula ayat-ayat al-Quran agar sesuai dengan kehendak manusia semasa. Liberalisasi juga merujuk kepada proses yang mencairkan identiti Islam dengan mencampur adukkan dengan pemikiran mengikut kerangka Barat sebagai asas pemikiran. Golongan yang mempromosi pemikiran ini berusaha mentafsir semula Islam sesuai dengan kerangka pemikiran rasional dan logik tanpa mengambil kira keterangan wahyu dan tuntutan hadis Rasulullah SAW. Tafsiran semula Islam dibuat mengikut kerangka Barat yang mengagungkan hak asasi manusia sebagai paksi utama segala tindakan dan keputusan. Oleh yang demikian,

liberalisme pada hari ini lebih cenderung kepada serangan pemikiran terhadap akidah umat Islam untuk dipesongkan daripada landasan kebenaran.

### C. BELIA DALAM MEDIA SOSIAL

Golongan belia dalam Islam dibahagi kepada dua fasa kehidupan. Fasa selepas baligh atau bermimpi pada usia bermula 12 tahun atau 13 tahun sehingga ke usia 21 tahun. Fasa kedua adalah fasa kematangan bermula daripada usia 22 tahun hingga 30 tahun. Peringkat pertama belia bermula daripada tahap baligh iaitu usia yang layak untuk dipertanggungjawabkan dalam hal ehwal agama sehingga ke usia 21 tahun. Tanda baligh seseorang ditentukan berdasarkan lima perkara iaitu tiga tanda bagi lelaki dan dua tanda bagi wanita. Bagi lelaki tandanya iaitu bermimpi keluar air mani, pertumbuhan fizikal tubuh badan dan bersuara kasar. Manakala tanda bagi perempuan ialah haid atau mengandung.

Definisi belia mengikut setiap negara adalah berbeza bergantung kepada faktor budaya, institusi dan politik. Menurut Pelan Program Strategik Belia Komenwel, belia adalah individu berumur 15 hingga 29 tahun. Sementara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mentafsirkan belia dalam kalangan mereka yang berumur 15 hingga 25 tahun (UNESCO). Manakala Dasar Pembangunan Belia Kebangsaan Malaysia mendefinisikan belia adalah individu berumur antara 15 hingga 40 tahun. Lingkungan umur yang ditetapkan oleh Malaysia ini disifatkan sebagai *economically active*. Walau bagaimanapun, aktiviti dan program pembangunan belia lebih fokus kepada belia dalam usia 18 hingga 25

tahun. Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2010 sebanyak 42.5 peratus daripada penduduk negara ini terdiri dalam kalangan belia yang berumur antara 15 hingga 39 tahun. Jumlah ini meningkat berbanding pada tahun 2005 sebanyak 41.5 peratus.

Laporan akhbar arus perdana Utusan Online juga mendedahkan purata golongan belia negara ini mempunyai empat akaun media sosial dan menghabiskan selama empat jam sehari melayari media sosial berbanding trend masyarakat dunia kini. Mana kala laporan *Pew Social Media Update* pada tahun 2016 menunjukkan belia menghabiskan masa melayari media sosial selama dua jam sehari. Kajian pengguna internet yang dilakukan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) pada tahun 2016 mendapati belia merupakan 77 peratus daripada lebih 24 juta pengguna internet di negara ini. Statistik Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia juga menunjukkan kira-kira 63 peratus belia menggunakan laman sosial pada masa lapang mereka.

Berita Nasional Malaysia (Bernama) melaporkan semenjak tahun 2015 sehingga Oktober 2016, SKMM telah menyekat sebanyak 5,044 laman web melibatkan pelbagai kesalahan yang melanggar Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Daripada jumlah itu, sebanyak 4,277 kes melibatkan laman web lucah, jelik dan mengancam keselamatan manakala 767 lagi berkaitan isu perjudian, pelacuran etak rompak, produk palsu, ubat tidak berdaftar dan lain-lain. SKMM menyekat semua laman web itu berdasarkan permohonan agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan dan Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan serta agensi berkaitan yang lain. SKMM juga menyekat 72 laman web berkaitan penyebaran ideologi Daesh. Pada masa yang sama SKMM telah menyiasat 181 kes penyalahgunaan Internet dan media sosial melibatkan penyebaran kandungan dan maklumat palsu melalui platform WhatsApp, Facebook, Twitter dan sebagainya di bawah akta sama. Beliau berkata daripada jumlah itu, enam kes dihadapkan ke mahkamah dengan lima kes telah menjalani pendakwaan, manakala 10 kes dikompaun.

Media sosial dianggap sebagai kuasa besar kerana kekuatannya dalam menyampaikan mesej merentasi sempadan masa dan tempat dengan kapasiti yang besar dan pantas. Pelbagai transaksi, perkembangan ekonomi, politik, pendidikan, keagamaan dan sosial boleh dilakukan selama 24 jam tanpa batas. Perbincangan mengenai media sosial sangat menarik kerana ia menawarkan pelbagai bentuk maklumat baru seperti dialog dan perkongsian maklumat, blog, forum, wiki, chat, rangkaian sosial, dan lain-lain perisian yang membolehkan pelbagai pilihan dilakukan. Justeru, tidak hairan jika media sosial telah dimanipulasikan sebagai medium oleh pelbagai pemikiran dan agama seperti Yahudi, Kristian, Hindu, Budha dan Islam. Dewasa ini media sosial telah dijadikan kilang terbesar untuk propaganda pemikiran dan ruang ini telah dimanfaatkan sebagai prasarana penyebaran pemikiran dan komunikasi antara masyarakat terutamanya oleh masyarakat Barat. Penggunaan media sosial ini telah menjadi satu bentuk medium penyampaian yang berkesan untuk menyebarkan ideologi termasuk fahaman sesat dan melampau yang

melanggar ajaran Islam. Justeru itu, golongan belia wajar diberi tumpuan dalam meneliti pengaruh pemikiran liberal kerana mempunyai akses yang mudah di media sosial.

#### D. DAPATAN KAJIAN

Pemerhatian telah dilakukan terhadap sebelas orang belia yang dilihat berisiko mempromosi pemikiran liberal dalam media sosial. Pemerhatian ini berlaku selama sebulan semenjak 19 Mac 2017 sehingga 19 April 2017. Belia ini dipilih berdasarkan keaktifan mereka memberikan pandangan dan pendapat terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Islam. Mereka aktif menulis status dan memuatnaik dalam media sosial peribadi seperti *tweeter*, *facebook* dan *page*. Pemerhatian dilakukan kepada jumlah status yang muatnaik selama sebulan dalam *facebook*. Begitu juga jumlah yang suka, yang marah, yang sedih, kagum, kongsi semula dan komenar terhadap status yang dimuatnaikkan. Dapatkan kajian mendapati tiga daripada sebelas belia berisiko ini memuatnaik status purata lebih daripada lima kali sehari. Mana kala lapan daripada mereka memuatnaik status mengikut musim dan isu yang berlaku pada satu-satu masa (jadual 1). Seramai tiga orang belia memuatnaik status lebih daripada 100 kali dalam sebulan di mana belia L3 telah memuatnaik status sebanyak 396 kali, belia L5 sebanyak 211 kali dan belia L6 sebanyak 137 kali. Walau bagaimanapun, belia L4 mendapat tarikan sebanyak 50,366 orang netizen yang memberi respon suka pada 34 kali statusnya sepanjang sebulan itu. Mana kala belia L3 mendapat jumlah suka daripada netizen sebanyak 82,071 orang.

Jadual 1: Kekerapan status di facebook dalam tempoh sebulan (19.3.2017-19.4.2017)

Bil	Nama	status	Suka	marah	Sedih	kagum	senyum	kongsi	komen
1	Belia L1	35	5177	54	93	61	173	45	772
2	Belia L2	94	238	17	2	7	37	8	102
3	Belia P1	38	7784	89	121	101	339	339	512
4	Belia P2	10	144	0	0	1	0	2	11
5	Belia L3	396	82071	3174	4586	568	613	17151	4159
6	Belia L4	34	50366	364	150	830	1015	2458	2689
7	Belia L5	211	28731	66	197	299	3124	1938	5109
8	Belia L6	137	18491	36	121	80	439	603	990
9	Belia P3	20	1164	55	83	18	2	76	39
10	Belia P4	25	456	12	27	14	19	17	45
11	Belia P5	94	2968	60	88	24	116	344	584

Jadual 2 menunjukkan kekerapan status di facebook yang dimuatnaik oleh Belia L3 selama sebulan. Belia L3 telah memuatnaik status di *facebook* sebanyak 396 kali dalam tempoh 30 hari. Bahkan telah memuatnaik status lebih 20 kali sehari selama empat hari dalam bulan tersebut dengan jumlah paling rendah adalah sebanyak empat kali sehari. Pemerhatian juga menunjukkan Belia L3 ini banyak menghabiskan waktu pada facebook sepanjang hari apabila memuatnaik status terlalu kerap setiap hari. Pada 28 Mac 2017, 1 April 2017, 9 April 2017 dan 15 April 2017, Belia L3 didapati memuatnaik status sebanyak 21 kali sehari. Begitu juga status yang

Status ini mendapat ikon suka sebanyak 117 orang dan dikongsi oleh 32 orang netizen. Namun begitu, terdapat enam orang netizen yang menunjukkan ikon sedih dengan kenyataan ini.

Jadual 2: Kekerapan status di facebook selama sebulan oleh belia L3

Tarikh	Status	Suka	Marah	sedih	Kagum	Senyum	kongsi	komen
19.3..17	12	3505	30	265	13	13	106	146
20.3.17	4	268	0	26	0	1	1	3
21..3.17	15	2608	56	40	50	40	320	113
22.3.17	5	1092	62	35	5	4	94	65
24.3.17	14	3363	638	447	39	98	348	235

dimuatnaik mendapatkan ikon suka dan perkongsian yang sangat banyak. Sebagai contoh, Belia L3 telah memuatnaik satu status berkaitan isu remaja yang melakukan seks tetapi tidak mengandung. Dalam status tersebut Belia L3 tidak melihat agama sebagai elemen utama dalam membentuk peribadi dan mengatasi masalah pergaulan bebas remaja. Dalam status tersebut Belia L3 menyatakan;

Masukkan elemen agama jika perlu tapi ingat, kalau asyik menghukum aje, nanti anak-anak muda kita lari dan tak nak dengar dan mungkin menerima nasihat dari sumber yang salah (Belia L3).

25.3.17	7	1183	1	0	3	1	0	39
26.3.17	8	751	0	0	4	0	69	18
27.3.17	15	3056	110	169	21	70	378	156
28.3.17	21	6863	144	81	30	2	3006	232
29.3.17	13	2113	0	55	15	2	338	63
30.3.17	8	1026	3	131	4	24	84	34
1.4.17	21	2434	22	65	7	26	35	183
2.4.17	10	4065	8	415	12	9	641	71
3.4.17	8	480	0	0	8	0	125	13
4.4.17	19	5016	1230	304	42	3	1143	396
5.4.17	10	2079	41	157	12	1	233	268
6.4.17	11	2730	28	91	45	5	379	248
7.4.17	16	3564	45	105	10	60	446	299
8.4.17	6	989	0	24	22	0	3	46
9.4.17	21	2175	32	33	18	21	151	97
10.4.17	17	7015	282	709	3	73	1083	277
11.4.17	11	644	8	9	0	1	25	48
12.4.17	8	1427	35	97	10	90	81	147
13.4.17	12	8644	14	93	24	2	5364	365
14.4.17	9	506	2	16	11	0	30	26
15.4.17	20	2933	1	43	40	20	106	73
16.4.17	7	1280	0	35	4	3	13	36
17.4.17	17	4015	82	136	43	30	1322	171
18.4.17	9	696	0	38	17	3	12	21
19.4.17	15	1647	122	75	13	0	1047	99
Total	396	82071	3174	4586	568	613	17151	4159

Dapatan kajian juga menunjukkan wujudnya elemen liberal dalam status belia sepanjang pemerhatian yang dilakukan. Antara ungkapan yang ditulis oleh golongan belia ini adalah seperti berikut;

- Saya enggan solat sehingga salah kami bercerai. Lepas sah bercerai nanti, saya akan qadha semua solat saya
- Aku tak kisah sangat lesbian ni. Sekurangnya dia tak kacau orang lain. Tambahan itu hak dia sendiri

- Nabi Ismail sebenarnya anak luar nikah
- Memberi anak-anak pakai tudung adalah jenayah, wanita perlu bangkit menentang hukum menutup aurat
- Fuck you Khatib ! Suruh berbuat baik sesama muslim dan non muslim tapi LGBT, murtad, liberal adalah musuh Islam,kekalkan Islam sebagai agama persekutuan, berdoa dalam bahasa Arab,

Qatar pun dikatakannya mujahidin. Selamat hariraya khatib! Fuck you

- Larangan solat ketika haid kepada wanita satu diskriminasi
- Nabi anjur cinta lelaki sesama lelaki
- al-Quran tidak larang homeseksual
- RUU355 ni kesan pemikiran Islamisme, bukan prinsip mutlak dari Islam. Jangan syok sangat tempel label Islam, k?
- Saya azhari, saya liberal

Contoh-contoh ungkapan di atas menunjukkan bagaimana golongan yang berisiko berfikiran liberal tidak mempedulikan pandangan agama dan adabiyat akhlak Islam sewaktu memberi pandangan. Pandangan yang mereka lontarkan berdasarkan hawa nafsu dan cara fikir yang singkat. Mereka tidak mengambil kira sensitiviti agama dan impak kepada dosa dan pahala akibat keluarnya ungkapan seumpama itu.

## E. PENUTUP

Secara keseluruhannya liberalisasi ini satu proses yang cukup panjang berlaku dalam sejarah kemanusiaan di Barat. Akibat protes terhadap cengkaman gereja Kristian, mereka menuntut kebebasan mutlak daripada ikatan agama dan memberikan hak mutlak kepada manusia sebagai paksi membuat keputusan. Agama dilihat sebagai institusi yang menghalang kemajuan dan pembangunan

berinovasi. Pemikiran ini telah menyerang masyarakat Islam melalui berbagai cara dan pendekatan. Pada hari ini, golongan liberalis Barat tidak perlu bersusah payah berjuang untuk memartabatkan liberalisme. Ini kerana begitu ramai pendokong liberalisme dalam kalangan masyarakat Islam termasuklah sarjana Islam sendiri. Mereka bertopengkan Islam secara lahiriah tetapi menolak apa juga seruan yang datang daripada Islam. Mereka menggunakan hujah hak asasi manusia untuk menolak kewajipan bertudung, hukum hudud dan mempertikaikan autoriti agama dalam negara.

## Rujukan

Abbas Mansur Tammam. Pengaruh Orientalis terhadap Liberalisasi Pemikiran Islam. *Journal KALIMAH* Vol. 14, No. 1, Maret 2016. Hlm. 1-12. 2016.

Abdullah Nasih, U. *Pedoman pendidikan anak-anak dalam Islam*. Klang: Klang Book Centre. 1989.

Ahmad Zaki Ibrahim. Modernisme dan Liberalisme, Sorotan Sejarah Kelahirannya dan Penilaian Terhadap Metodologinya. Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Pemikiran Islam peringkat Kebangsaan: Menangani Pemikiran Islam Liberal di Malaysia. Anjuran Persatuan Ulama Malaysia. Bangi, 23 – 24 Ogos 2008.

Angel Rabasa, et.al. *Building Moderate Muslim Network*. Pittsburgh: Rand Corporation. 2007.

Asmah Omar et al. *Oxford fajar advanced learner's english-malay dictionary* Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti. 2001.

Asri Zainul Abidin, Adrin Armas MA, Fauzi Deraman & Mohd Kamil Abd Majid. *Islam liberal tafsiran agama yang kian terpesong*. Kuala Lumpur: Karya Bestari Sdn. Bhd. 2006.

Commonwealth Youth Programme Strategic Plan 2008 – 2012. Diambil pada 14 Februari, 2012 daripada <http://www.thecommonwealth.org/files/229253/> FileName/ CommonwealthYouthProgramme\_StrategicPlan2008-2012.pdf

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/belia-habiskan-empat-jam-sehari-layari-media-sosial-1.471183>

Noresah Baharom. *Kamus Dewan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2013.

Hamid Fahmy Zarkasyi. Liberalisasi pemikiran Islam: Gerakan bersama missionaris, orientalis dan kolonialis, *Jurnal TSAQAFAH* Vol. 5, No. 1. Hlm. 1-18. 2009.

Indriaty Ismail & Ahmad Mahyuddin Hassan. Ciri-ciri dan Asas-asas Utama Islam Liberal dalam Pergerakan Sisters In Islam. Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Isu-isu Islam Liberal. Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, 17 Februari. 2011.

Marzuki Mohamad. Manifestasi Islam Liberal di Malaysia: Dimensi Politik dan Undang-undang. Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan: Menangani Pemikiran Islam Liberal di Malaysia.

Anjuran Persatuan Ulama Malaysia. Bangi, 24 Ogos 2008.

Ridha Aida. Liberalisme dan komunitarianisme konsep tentang individu dan komunitas. *Jurnal Demokrasi*. Vol. IV No. 2. Hlm. 1 - 12. 2005.

Hamid Fahmy Zarkasyi. Genealogi Liberalisasi Pemikiran Islam. *Jurnal Ulumuna*. Volume XIII Nomor 1 Juni 2009: 133-134.

Helland, C. Online-religion/religion-online and virtual communitas. *Religion and the Social Order*. 8: 205-224. 2000.

al-Jurjani, Ali bin Muhammad bin Ali. *Sharh al-mawaqif*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. 1998.

Kementerian Belia dan Sukan. Dasar Pembangunan Belia Kebangsaan Malaysia. Diambil pada 17 Februari, 2012 daripada <http://www.unescap.org/> esid/ hds/ youth/ youth\_malaysia.pdf

Kubiszewski, I., Noordewier, T., & Costanza, R. Perceived credibility of internet encyclopedias. *Computers & Education*, 56 (3): 659-667. 2011.

Lukman Hakim & Mohd Nasir Omar. Mengenal Pemikiran Islam Liberal. *Jurnal Substantia*. 14 (1): 179-198. 2011.

Mazlan Ibrahim, Jaffary Awang, Latifah Abdul Majid, Muhd Najib Abdul Kadir & Fadlan Othman. Pengajian Islam di IPT Malaysia dalam menangani Islam liberal. *Jurnal Hadhari*. 5 (1): 37 – 53. 2013.

Mazlan Ibrahim, Jaffary Awang, Latifah Abdul Majid, Muhd

Najib Abdul Kadir & Fadlan Othman. Isu-isu Islam Liberal dan Hubungannya dengan Identiti Melayu Masa Kini. Kertas Kerja dibentangkan di *International Conference On Islamic Civilization And Malay Identity*. Anjuran School of Humanities, Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang, halaman 14 – 16 Jun 2011.

Mohd Aderi Che Noh, Khadijah Abdul Razak, Asmawati Suhid, Guru Muslim dan Cabaran Ideologi Liberalisme, *Jurnal IJISAE*. Vol. 2(1): 23-34. 2015.

Mohd Razali, H. & Sarjit S. G. Penyertaan belia dalam program pembangunan komuniti di Felda Jerangau, Terengganu. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 3, 257 - 275. 2010.

Razaleigh, M., & Ahmad Tarmizi, T. Penyelesaian masalah belia dari perspektif agama. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 3, 38 - 51. 2010.

Sarjit, S. G., & Wan Ahmad Amir Zal, W. I. Perubahan nilai budaya belia Malaysia menuju Wawasan 2020. *Jurnal Pembangunan Belia Malaysia*, 1, 15-34. 2008.

Shaharuddin Badaruddin, Azman Ayob, Mazlan Che Soh. [Belia dan 1 Malaysia: antara cabaran dan harapan](#). *Malaysian Journal Of Youth Studies*, Volume 2. Hal. 52-75. 2010.

Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Muhd. Najib Abdul Kadir. Kritikan Muslim Liberal Terhadap Ulum al-Quran: Suatu Kecenderungan Baru dalam Tafsiran

al-Quran. *Jurnal Islamiyyat* 35(2): 83-88. 2013.

Umar Halim & Samsudin A. Rahim. Penglibatan Digital: Akses dan Penggunaan eAgama Dalam Kalangan Generasi Muda Muslim. *Jurnal Komunikasi Malaysia*. 27(2): 121-135. 2010.

Wan Adli Wan Ramli. *Bahaya liberalisme dan pluralisme agama terhadap akidah belia muslim*. Johor Bahru: Master Gift Sdn. Bhd. 2012.